



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**
Bagi Minggu 25/2011 (19 hingga 25 Jun 2011)

Pada minggu ke-25 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 19 hingga 25 Jun, sejumlah 426 kes Demam Denggi dengan tiada kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 51 kes atau 14% berbanding dengan 375 kes dengan satu kematian pada minggu sebelumnya. Terdapat 10 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 31 kes (21%), Johor 14 kes (61%), Sarawak 8 kes (53%), Pahang 6 kes (43%), Melaka 5 kes (100%), Terengganu 3 kes (33%), Kelantan 3 kes (33%), Sabah 2 kes (40%), N.Sembilan 1 kes (7%) dan Perak meningkat sebanyak 1 kes (4%) (Lampiran 1). Perak dan Terengganu merupakan negeri yang telah menunjukkan peningkatan kes sejak 3 minggu berturut-turut.

Bermula dari Januari hingga 25 Jun 2011 sebanyak 10,025 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 57% atau 13,164 kes berbanding dengan 23,189 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Sebanyak 15 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 81% berbanding 78 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Sejumlah 89 lokaliti wabak telah dilaporkan berlaku di seluruh negara sehingga kini. Pada minggu lepas, terdapat 8 lokaliti *hot spots* dilaporkan, iaitu masing-masing 5 lokaliti di Selangor dan 3 lokaliti di WP Kuala Lumpur dengan jumlah kes sebanyak 132 (Lampiran B). Terdapat dua lokaliti *hot spots* di WP Kuala Lumpur, iaitu Menara Orkid di zon Kepong dan Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat) telah berlaku wabak melebihi tempoh 2 bulan. Penduduk di kawasan tersebut perlu mempertingkatkan aktiviti gotong-royong supaya bekas-bekas takungan nyamuk Aedes di sekitar kawasan kediaman dapat dihapuskan, sekaligus mencegah kes Demam Denggi. Memandangkan peningkatan kes Denggi yang ketara berbanding minggu lepas, masyarakat diharapkan tidak mengambil sikap sambil lewa dan membiarkan persekitaran mereka menjadi tempat pemberian nyamuk Aedes. Daripada analisa Kementerian Kesihatan bagi tempoh 5 tahun menunjukkan peningkatan kes Denggi sering berlaku di antara bulan Jun hingga September. Oleh itu, masyarakat diminta mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan aktiviti membersihkan kawasan mereka seperti menjalankan gotong-royong.

Kementerian Kesihatan menyeru kepada orang ramai supaya sentiasa peka terhadap kejadian kes Demam Denggi di tempat tinggal masing-masing terutamanya di kawasan yang telah berlaku wabak. Pemilik-pemilik premis juga diminta memastikan tempat kediaman dan kawasan persekitaran bebas dari pemberian nyamuk Aedes. Sekiranya terdapat pemberian jentik-jentik nyamuk Aedes, mereka akan dikenakan kompaun maksima RM500. Dari Januari hingga Mei 2011, pihak KKM telah mengeluarkan kompaun di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 sebanyak 6,746 dengan nilai RM2,948,394.00. Sebanyak 253 kes juga telah dibawa ke mahkamah dengan amaun denda RM118,800.00.

Bagi Penyakit Chikungunya, terdapat dua (2) kes dilaporkan untuk tempoh 19 hingga 25 Jun 2011, iaitu masing-masing di Johor dan Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 17 kes, penurunan sebanyak 98% berbanding dengan 684 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 Jun 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 25/2011
(19 hingga 25 Jun 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2010
		Minggu 25 (19 – 25 Jun 2011)	Minggu 24 (12 – 18 Jun 2011)		
1	Perlis	3	3	37	73
2	Kedah	10	14	244	382 (3)
3	P. Pinang	33	39	952 (1)	563 (2)
4	Perak	27	26	634 (2)	1,006 (4)
5	Selangor	182	151	3,778 (3)	10,318 (32)
6	WPKL & Putrajaya	34	47	888 (1)	2,530 (4)
7	N. Sembilan	16	15	378	1,137 (6)
8	Melaka	10	5	220	304 (5)
9	Johor	37	23	913 (4)	1,674 (7)
10	Pahang	20	14	500 (1)	681 (1)
11	Terengganu	12	9	378 (1)	442
12	Kelantan	12	9	329 (1)	709 (3)
13	Sarawak	23	15	525	2,252 (10)
14	Sabah	7	5 (1)	244 (1)	1,107 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	11
	MALAYSIA	426	375 (1)	10,025 (15)	23,189 (78)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 25/2011
(19 hingga 25 Jun 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 25/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 25/2010
		Minggu 25 (19 – 25 Jun 2011)	Minggu 24 (12 – 18 Jun 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	3
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	1	23
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	1
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	1	0	1	4
10	Pahang	0	0	1	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	513
14	Sabah	1	0	10	126
15	WP Labuan	0	0	0	7
	MALAYSIA	2	0	17	684

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
25 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Apartment Enggang	18	45
2	SELANGOR	Gombak	Apartment Casmaria	12	53
3	SELANGOR	Gombak	Taman Samudera Timur (Teres)	14	49
4	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Kajang Utama	15	39
5	SELANGOR	MPAJ (GB)	Ukay Perdana (Sri Wira Apartment)	10	41
6	WPKL	Kepong	Menara Orkid	19	75
7	WPKL	Cheras	Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat)	26	75
8	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi	18	38

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 25
BAGI TAHUN 2011
(19 hingga 25 Jun 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi	13.2	13